

08/05/1997

Kuasai ilmu untuk keselamatan umat Islam: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa umat Islam menguasai ilmu dan kecekapan untuk membentuk, mengeluarkan dan mengguna segala peralatan moden bagi mempertahankan keselamatan mereka.

Perdana Menteri berkata, walaupun masyarakat Islam mengetahui keselamatan mereka adalah tanggungjawab sendiri namun mereka masih bergantung kepada orang lain dan tidak berusaha memikulnya.

Menurutnya, kebanggaan terhadap sanjungan orang Islam lain masih belum mencukupi selagi kita gagal memenuhi kehendak ajaran Islam itu sepenuhnya.

Dalam perutusan beliau sempena sambutan Maal Hijrah 1418H, Dr Mahathir berkata umat Islam perlu cekap mencari kekayaan kerana tanpa kekayaan tidak mungkin dapat mengeluarkan peralatan yang diperlukan untuk mempertahankan diri.

Perdana Menteri berkata, keamanan dan kestabilan politik amat penting untuk memperkayakan negara, di samping menambah bahawa al-Quran berkali-kali menegaskan bahawa Tuhan tidak menyukai kepada orang yang mencetuskan huru-hara di muka bumi.

Menurut Dr Mahathir, banyak ajaran Islam yang kian diabaikan dan umat Islam hanya menekan semata-mata ibadat tertentu dan menuduh orang lain tidak cukup Islam.

Beliau juga berkata, umat Islam banyak mengutamakan perkara remeh temeh sehingga perkara besar dalam Islam seperti persaudaraan sesama Islam diabaikan.

Katanya, hijrah yang dimaksudkan ialah tindakan megubah nasib kita daripada yang buruk kepada yang baik dengan berusaha memperkayakan umat Islam dari segi ilmu pengetahuan, kecekapan dan wang ringgit.

"Setiap tahun kita menyambut Maal Hijrah namun kita merayakannya tanpa mengambil apa-apa pengajaran daripada peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad dari Makkah ke Madinah," katanya.

Dr Mahathir berkata, umat Islam akan rugi jika tidak menjadikan peristiwa hijrah Nabi Muhammad sebagai panduan bagi kehidupan sebagai seorang individu, masyarakat dan bangsa. - Bernama

(END)